

BORANG PENGESAHAN DIRI FATCA DAN CRS (PENGISYTIHARAN PELANGGAN ENTITI)

Appendiks – Ringkasan Huraian Istilah Tertakrif Yang Terpilih

Nota: Berikut adalah ringkasan istilah tertakrif terpilih yang disediakan untuk membantu anda melengkapkan borang ini.

Butiran lanjut boleh ditemui dalam Piawaian Pelaporan Umum OECD untuk Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan (“CRS”), Komentari berkaitan dengan CRS, Perjanjian Antara Kerajaan Malaysia-AS mengenai Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA) dan panduan domestik yang lain.

Pemegang Akaun

“Pemegang Akaun” adalah orang yang disenaraikan atau dikenal pasti sebagai pemegang Akaun Kewangan oleh Institusi Kewangan yang menyelenggara akaun itu. Ini tidak mengambil kira samada orang sedemikian merupakan satu Entiti alir-lalu. Oleh itu, sebagai contoh, jika satu amanah atau satu estet disenaraikan sebagai pemegang atau pemilik Akaun Kewangan, amanah atau estet itu adalah Pemegang Akaun, dan bukannya pemegang amanah atau pemilik amanah atau benefisiari. Sama juga, jika satu perkongsian disenaraikan sebagai pemegang atau pemilik Akaun Kewangan, perkongsian itu adalah Pemegang Akaun, dan bukannya rakan kongsi dalam perkongsian itu.

Orang perseorangan, selain daripada Institusi Kewangan, yang memegang Akaun Kewangan bagi manfaat atau akaun orang lain sebagai seorang agen, penjaga, penama, penandatanganan, penasihat pelaburan, atau perantara, tidak dilayan sebagai pemegang akaun itu, tetapi adalah sebagai pemegang akaun itu.

Entiti Bukan Kewangan Aktif (NFE Aktif) (CRS)

NFE itu adalah NFE Aktif jika ia memenuhi sebarang kriteria yang disenaraikan di bawah. Ringkasannya, kriteria tersebut merujuk kepada:

- a. NFE Aktif disebabkan oleh pendapatan dan aset:
 - Kurang daripada 50% pendapatan kasar NFE bagi tahun kalender sebelumnya atau lain-lain tempoh pelaporan yang sewajarnya adalah pendapatan pasif; DAN
 - Kurang daripada 50% aset yang dipegang oleh NFE semasa tahun kalender sebelumnya atau lain-lain tempoh pelaporan yang sewajarnya adalah aset yang menghasilkan atau dipegang bagi penghasilan pendapatan pasif;
- b. NFE Dagangan Awam atau Entiti Berkaitan dari NFE Dagangan Awam:
 - Saham NFE itu didagangkan secara berkala di pasaran sekuriti yang berlesen; ATAU
 - NFE itu adalah Entiti Berkaitan di mana sahamnya didagangkan secara berkala di pasaran sekuriti yang berlesen;
- c. NFE itu adalah satu Entiti Kerajaan, Organisasi Antarabangsa, Bank Pusat, atau Entiti yang dimiliki sepenuhnya oleh satu atau lebih pihak-pihak yang tersebut di atas;
- d. NFE Pegangan yang merupakan ahli dari kumpulan bukan kewangan:
 - Semua aktiviti NFE itu secara substansialnya terdiri daripada pegangan (secara keseluruhan atau sebahagian) saham yang tertunggak, atau menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan kepada, satu atau lebih subsidiari yang terlibat dalam dagangan atau perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan, kecuali Entiti itu tidak layak bagi status ini jika Entiti itu berfungsi (atau menganggap dirinya) sebagai satu dana pelaburan, seperti satu dana ekuiti persendirian, dana modal teroka, dana belian berleveraj, atau sebarang kenderaan pelaburan yang tujuannya adalah untuk memperoleh atau membayai syarikat dan kemudian memegang kepentingan dalam syarikat tersebut sebagai aset modal bagi tujuan pelaburan;
- e. NFE Start-up:
 - NFE itu masih belum mengoperasikan satu perniagaan dan tidak mempunyai sejarah operasi sebelum ini, tetapi melabur modal ke dalam aset dengan niat untuk mengoperasikan satu perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan, dengan syarat NFE itu tidak layak untuk pengecualian ini selepas tarikh itu iaitu 24 bulan selepas tarikh organisasi awal NFE itu;
- f. NFE yang dibubarkan atau pelepasan dari kemufilsan:
 - NFE itu bukan sebuah Institusi Kewangan dalam lima tahun yang lepas; DAN
 - Ia sedang dalam proses pembubaran asetnya atau diorganisasikan semula dengan niat untuk menyambung atau memulakan semula operasi dalam perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan;
- g. Pusat Perbendaharaan yang merupakan ahli dari kumpulan bukan kewangan:
 - NFE itu terlibat terutamanya dalam transaksi pembiayaan dan lindung nilai dengan, atau untuk, Entiti Berkaitan yang bukan merupakan Institusi Kewangan; DAN
 - Tidak menyediakan perkhidmatan pembiayaan dan lindung nilai kepada sebarang Entiti yang bukan merupakan satu Entiti Berkaitan, dengan syarat bahawa kumpulan itu dari Entiti Berkaitan adalah terlibat terutamanya dalam perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan;

- h. NFE Bukan Berasaskan Keuntungan:
- NFE itu memenuhi semua syarat berikut
- i) Ia telah ditubuhkan dan dioperasikan dalam bidang kuasa pemastautinnya secara eksklusif bagi tujuan keagamaan, kebajikan, saintifik, artistik, kebudayaan, olahraga, atau pendidikan; atau ia telah ditubuhkan dan dioperasikan dalam bidang kuasa pemastautinnya dan ia adalah organisasi profesional, liga perniagaan, dewan perniagaan, organisasi buruh, organisasi pertanian atau hortikultur, liga sivik atau satu organisasi yang dioperasikan secara eksklusif bagi promosi kebajikan sosial;
 - ii) Ia dikecualikan dari cukai pendapatan dalam bidang kuasa pemastautinnya;
 - iii) Ia tidak mempunyai pemegang saham atau ahli yang mempunyai hak milik atau kepentingan berfaedah dalam pendapatan atau asetnya;
 - iv) Undang-undang berkenaan bagi bidang kuasa pemastautin NFE itu atau dokumen pembentukan NFE itu tidak membenarkan sebarang pendapatan atau aset NFE itu diagihkan kepada, atau diguna pakai bagi manfaat untuk, orang persendirian atau Entiti bukan kebajikan melainkan demi menjajarkan perilaku aktiviti kebajikan NFE itu, atau sebagai bayaran pampasan yang munasabah bagi perkhidmatan yang diberikan, atau sebagai bayaran yang mencerminkan nilai pasaran wajar hartanah di mana NFE itu telah beli; dan
 - v) Undang-undang berkenaan bagi bidang kuasa pemastautin NFE itu atau dokumen pembentukan NFE itu mensyaratkan bahawa, sebaik sahaja pencairan atau pembubaran NFE itu, semua asetnya diagihkan kepada satu Entiti Kerajaan atau lain-lain organisasi bukan berasaskan keuntungan, atau escheat kepada kerajaan bidang kuasa pemastautin NFE itu atau sebarang sub pembahagian politik dari situ.

Entiti Asing Bukan Kewangan Aktif (NFFE Aktif) (FATCA)

"NFFE Aktif" bermaksud sebarang NFFE yang memenuhi mana-mana satu daripada kriteria berikut:

- a. NFFE Aktif disebabkan oleh pendapatan dan aset:
 - Kurang daripada 50% pendapatan kasar NFFE untuk tahun kalender sebelumnya atau lain-lain tempoh pelaporan yang sewajarnya adalah pendapatan pasif; DAN
 - Kurang daripada 50% aset yang dipegang oleh NFFE semasa tahun kalender sebelumnya atau lain-lain tempoh pelaporan yang sewajarnya adalah aset yang menghasilkan atau yang dipegang bagi penghasilan pendapatan pasif;
- b. NFFE Dagangan Awam atau satu Entiti Berkaitan dari NFFE Dagangan Awam:
 - Saham NFFE itu didagangkan secara berkala di pasaran sekuriti yang berlesen; ATAU
 - NFFE itu merupakan satu Entiti Berkaitan dari satu entiti, yang sahamnya didagangkan secara berkala di pasaran sekuriti yang berlesen;
- c. NFFE itu dikorporatkan di Wilayah A.S. dan semua pemilik pembayar itu adalah pemastautin bona fide dari Wilayah A.S. tersebut;
- d. Bukan Kerajaan A.S. / Kerajaan dari Wilayah A.S. / Organisasi Antarabangsa / Bank Pusat Bukan A.S.:
 - NFFE adalah sebuah kerajaan bukan A.S., sebuah sub pembahagian politik dari kerajaan bukan A.S. (di mana, bagi mengelakkan kesangsian, termasuk negeri, wilayah, daerah, atau perbandaran), atau satu badan awam yang melakukan fungsi kerajaan sedemikian atau satu sub pembahagian politik dari situ, satu kerajaan dari Wilayah A.S., organisasi antarabangsa, Bank Pusat pengeluar bukan A.S, atau satu entiti milik penuh oleh satu atau lebih pihak-pihak sebelum ini;
- e. NFFE Pegangan yang merupakan Ahli dari Kumpulan Bukan Kewangan:
 - Semua aktiviti NFFE secara substansialnya terdiri daripada pegangan (secara keseluruhan atau sebahagian) saham tertunggak, atau menyediakan pembiayaan dan perkhidmatan kepada, satu atau lebih subsidiari yang terlibat dalam dagangan atau perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan, kecuali bahawa entiti itu tidak layak bagi status NFFE jika entiti itu berfungsi (atau menganggap dirinya) sebagai satu dana pelaburan, seperti dana ekuiti persendirian, dana modal teroka, dana belian berleveraj, atau sebarang jenis pelaburan di mana tujuannya adalah untuk memperoleh atau membiayai syarikat dan kemudiannya memegang kepentingan dalam syarikat tersebut sebagai aset modal bagi tujuan pelaburan;
- f. Syarikat Start-up:
 - NFFE itu masih belum mengoperasikan perniagaan dan tidak mempunyai sejarah operasi sebelum ini, tetapi ia melabur modal ke dalam aset dengan niat untuk mengoperasikan satu perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan, dengan syarat NFFE sedemikian tidak layak untuk pengecualian ini selepas tarikh itu iaitu 24 bulan selepas tarikh pengkorporatan awal NFFE itu;
- g. NFFE yang dibubarkan atau pelepasan dari kemuflihan:
 - NFFE itu bukan sebuah Institusi Kewangan dalam lima tahun yang lepas; DAN
 - Ia sedang dalam proses pembubaran asetnya atau diorganisasikan semula dengan niat untuk menyambung atau memulakan semula operasi dalam perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan;

- h. Pusat Perbendaharaan yang merupakan Ahli dari Kumpulan Bukan Kewangan:
- NFFE itu terlibat terutamanya dalam transaksi pembiayaan dan lindung nilai dengan, atau untuk, Entiti Berkaitan yang bukan merupakan Institusi Kewangan, dan tidak menyediakan perkhidmatan pembiayaan atau lindung nilai kepada sebarang entiti yang bukan merupakan satu Entiti Berkaitan, dengan syarat bahawa kumpulan dari sebarang Entiti Berkaitan sedemikian yang terlibat terutamanya dalam perniagaan selain daripada yang terlibat dalam Institusi Kewangan;
- i. NFFE itu adalah satu "NFFE Dikecualikan" seperti yang dihuraikan dalam Peraturan Perbendaharaan A.S.; atau
- j. Organisasi Kebajikan/Bukan Berasaskan Keuntungan:
- NFFE itu memenuhi semua syarat berikut:
 - i) Ia telah ditubuhkan dan dioperasikan dalam bidang kuasa pemastautinnya secara eksklusif untuk tujuan keagamaan, kebajikan, saintifik, artistik, kebudayaan, olahraga, atau pendidikan; atau ia telah ditubuhkan dan dioperasikan dalam bidang kuasa pemastautinnya dan ia adalah organisasi profesional, liga perniagaan, dewan perniagaan, organisasi buruh, organisasi pertanian atau hortikultur, liga sivik atau organisasi yang dioperasikan secara eksklusif bagi promosi kebajikan sosial;
 - ii) Ia dikecualikan dari cukai pendapatan dalam bidang kuasa pemastautinnya;
 - iii) Ia tidak mempunyai pemegang saham atau ahli yang mempunyai hak milik atau kepentingan berfaedah dalam pendapatan atau asetnya;
 - iv) Undang-undang berkenaan bagi bidang kuasa pemastautin badan kebajikan itu atau dokumen pembentukan badan kebajikan itu tidak membenarkan sebarang pendapatan atau aset badan kebajikan itu diagihkan kepada, atau diguna pakai bagi manfaat untuk, orang persendirian atau entiti bukan kebajikan melainkan demi menjajarkan perilaku aktiviti kebajikan badan itu, atau sebagai bayaran pampasan yang munasabah bagi perkhidmatan yang diberikan, atau sebagai bayaran yang mencerminkan nilai pasaran wajar hartanah di mana badan kebajikan itu telah beli; dan
 - v) Undang-undang berkenaan bagi bidang kuasa pemastautin badan kebajikan itu atau dokumen pembentukan badan kebajikan itu mensyaratkan bahawa sebaik sahaja pencairan atau pembubaran badan kebajikan itu, semua asetnya diagihkan kepada satu entiti kerajaan atau lain-lain organisasi bukan berasaskan keuntungan, atau escheat kepada kerajaan bidang kuasa pemastautin badan kebajikan itu atau sebarang sub pembahagian politik dari situ.

Piawaian Pelaporan Umum (CRS)

"CRS" bermakna Piawaian Pelaporan Umum, yang dibangunkan oleh Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) untuk mendapatkan maklumat dari institusi kewangan dan untuk bertukaran automatik maklumat akaun kewangan dengan bidang kuasa yang lain secara tahunan bagi tujuan cukai.

Kawalan

"Kawalan" ke atas satu Entiti secara amnya dilaksanakan oleh orang biasa yang secara mutlak mempunyai kepentingan pemilikan mengawal (secara tipikalnya atas dasar peratusan tertentu (contohnya, 25%)) dalam Entiti itu. Di mana tidak terdapat orang biasa yang melaksanakan kawalan melalui kepentingan pemilikan, Orang Yang Mengawal dari Entiti itu akan menjadi orang biasa yang melaksanakan kawalan ke atas Entiti itu melalui cara yang lain. Di mana tidak ada orang biasa yang dikenal pasti sebagai melaksanakan kawalan ke atas Entiti itu melalui kepentingan pemilikan, maka di bawah CRS Orang Yang Boleh Dilaporkan dianggap orang biasa yang memegang jawatan sebagai pegawai pengurusan kanan.

Orang Yang Mengawal

"Orang Yang Mengawal" adalah orang biasa yang melaksanakan kawalan ke atas satu entiti. Di mana entiti itu dilayan sebagai satu Entiti Bukan Kewangan Pasif ("NFE Pasif") / Entiti Asing Bukan Kewangan Pasif ("NFFE Pasif") maka Institusi Kewangan itu dikehendaki untuk menentukan samada atau tidak Orang Yang Mengawal ini adalah Orang Yang Boleh Dilaporkan. Takrifan ini sepadan dengan istilah "pemilik berfaedah" yang dihuraikan dalam Pengesyoran 10 dan Nota Tafsiran ke atas Pengesyoran 10 dari Pengesyoran Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (seperti yang diterima pakai pada Februari 2012).

Dalam kes amanah, Orang Yang Mengawal adalah pelangsa, pemegang amanah, pelindung (jika ada), benefisiari atau kelas benefisiari, atau sebarang orang biasa yang melaksanakan kawalan efektif mutlak ke atas amanah itu (termasuk melalui satu rangkaian kawalan atau pemilikan). Di bawah CRS pelangsa, pemegang amanah, pelindung (jika ada), dan benefisiari atau kelas benefisiari, sentiasa dilayan sebagai Orang Yang Mengawal satu amanah, tanpa mengendahkan samada atau tidak mana-mana satu dari mereka melaksanakan kawalan ke atas aktiviti amanah itu.

Di mana pelangsa amanah itu adalah satu Entiti maka CRS mengkehendaki Institusi Kewangan untuk turut mengenal pasti Orang Yang Mengawal dari pelangsa itu dan apabila diperlukan melaporkan mereka sebagai Orang Yang Mengawal amanah itu.

Dalam kes aturan perundangan selain daripada amanah, "Orang Yang Mengawal bermaksud orang dalam kedudukan yang setara atau serupa".

Institusi Custodial (CRS)

Istilah “Institusi Custodial” bermaksud sebarang Entiti yang memegang, sebagai satu bahagian yang substansial dari perniagaannya, Aset Kewangan bagi akaun orang lain. Ini adalah di mana pendapatan kasar Entiti itu dikaitkan dengan pemegangan Aset Kewangan dan perkhidmatan kewangan yang berkaitan bersamaan atau melebihi 20% daripada pendapatan kasar Entiti semasa tempoh yang lebih singkat dari:

- (i) Tempoh tiga tahun yang berakhir pada 31 Disember (atau hari terakhir dari tempoh perakaunan bukan tahun kalender) sebelum tahun itu di mana penentuan sedang dibuat; atau
- (ii) Tempoh di mana Entiti itu telah wujud.

Institusi Kewangan Asing Yang Dianggap Patuh (FATCA)

“Institusi Kewangan Asing Yang Dianggap Patuh” termasuk FFI Berdaftar Yang Dianggap Patuh; FFI Dianggap Patuh Yang Disahkan dan Pemilik FFI Berdokumentasi di bawah Peraturan Perbendaharaan A.S. 1.1471-5(f).

- a) FFI Berdaftar Yang Dianggap Patuh
 - FFI Tempatan
 - Ahli bukan pelaporan dari FFI yang mengambil bahagian
 - Jenis pelaburan kolektif yang layak
 - Dana Terhad
 - Pengeluar kad kredit dan perkhidmatan yang layak
 - Entiti pelaburan berpenaja dan organisasi asing yang dikawal
- b) FFI Dianggap Patuh Yang Disahkan
 - Bank tempatan Tidak Berdaftar
 - FFI dengan akaun bernilai rendah sahaja
 - Jenis pelaburan yang dipegang ketat, berpenaja
 - Entiti pelaburan hutang hayat terhadap
 - Penasihat pelaburan dan pengurus pelaburan
- c) Pemilik FFI Berdokumentasi

Institusi Depositori (CRS)

Istilah “Institusi Depositori” bermaksud sebarang Entiti yang menerima deposit dalam urusan perbankan biasa atau perniagaan yang serupa dengannya.

Entiti

Istilah “Entiti” bermaksud seorang yang sah atau satu aturan perundangan yang sah, seperti sebuah korporat, organisasi, perkongsian, amanah atau yayasan. Istilah ini merangkumi mana-mana orang selain daripada individu (iaitu, seorang yang biasa).

Pemilik Berfaedah Yang Dikecualikan (FATCA)

“Pemilik Berfaedah Yang Dikecualikan” adalah entiti yang tergolong dalam kategori berikut:

- a) Kerajaan dan Entiti-Berkait-Kerajaan;
- b) Bank Pusat;
- c) Organisasi Antarabangsa;
- d) Dana yang Layak – Dana Persaraan Penyertaan Luas dan Dana Pencen dari Pemilik Berfaedah Yang Dikecualikan; atau;
- e) Entiti Pelaburan yang dimiliki sepenuhnya oleh Pemilik Berfaedah Yang Dikecualikan.

Kumpulan Bergabung Yang Dikembangkan (FATCA)

“Kumpulan Bergabung Yang Dikembangkan” bermaksud satu atau lebih rangkaian ahli yang disambungkan melalui pemilikan oleh satu entiti induk biasa jika entiti induk itu memiliki secara langsung 50% atau lebih saham atau lain-lain nilai kepentingan ekuiti dalam sekurang-kurangnya satu daripada ahli-ahli yang lain.

Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)

“FATCA” merujuk kepada peruntukan A.S. yang biasanya dikenali sebagai peruntukan Pematuhan Cukai Akaun Asing, yang telah digubal menjadi undang-undang A.S. sebagai sebahagian daripada Akta Insentif Pengambilan Pekerja untuk Memulihkan Pekerjaan (HIRE) pada Mac 18, 2010. FATCA mewujudkan satu rejim pelaporan maklumat dan pegangan yang baharu bagi pembayaran yang dibuat kepada sesetengah institusi kewangan bukan A.S. tertentu dan lain-lain entiti bukan A.S.

Institusi Kewangan

Istilah “Institusi Kewangan” bermaksud sebuah “Institusi Custodial”, sebuah “Institusi Depositori”, sebuah “Entiti Pelaburan”, atau sebuah “Syarikat Insurans Yang Dispesifikasikan”. Sila lihat panduan domestik yang relevan dan CRS untuk takrifan klasifikasi lanjutan yang diguna pakai untuk Institusi Kewangan.

Institusi Keuangan Asing (FFI) (FATCA)

"Institusi Keuangan Asing" merujuk kepada sebarang Entiti Bukan AS yang merupakan sebuah Institusi Keuangan.

Entiti Kerajaan (CRS)

"Entiti Kerajaan" bermaksud Kerajaan sebuah bidang kuasa, sebarang sub pembahagian politik dari satu bidang kuasa (di mana, untuk mengelakkan kesangsian, termasuk negeri, wilayah, daerah, atau perbandaran), atau sebarang agensi atau instrumen milik penuh satu bidang kuasa atau mana-mana satu atau lebih dari pihak-pihak sebelum ini (setiap satu, satu "Entiti Kerajaan"). Kategori ini terdiri daripada bahagian yang integral, entiti yang dikawal, dan sub pembahagian politik dari satu bidang kuasa.

Organisasi Antarabangsa (CRS)

"Organisasi Antarabangsa" bermaksud sebarang organisasi antarabangsa atau agensi atau instrumen milik penuh dari situ. Kategori ini termasuk sebarang organisasi antara kerajaan (termasuk organisasi supranasional) (1) yang terdiri terutamanya dari kerajaan; (2) yang mempunyai efek sebagai ibu pejabat atau perjanjian yang serupa secara substansial dengan bidang kuasa itu; dan (3) pendapatannya tidak digunakan bagi manfaat orang persendirian.

Entiti Pelaburan (CRS)

Istilah "Entiti Pelaburan" termasuk dua jenis Entiti:

(a) Satu Entiti yang dijalankan terutamanya sebagai perniagaan bagi satu atau lebih aktiviti atau operasi berikut bagi atau bagi pihak seorang pelanggan:

- Dagangan dalam instrumen pasaran wang (cek, bil, sijil deposit, derivatif, dan sebagainya); tukaran asing; tukaran, instrumen kadar faedah dan indeks; sekuriti boleh pindah; atau dagangan komoditi masa hadapan;
- Pengurusan portfolio individu dan kolektif; atau
- Sebaliknya melabur, melaksanakan pentadbiran, atau menguruskan Aset Keuangan atau wang bagi pihak orang lain.

Aktiviti atau operasi sedemikian tidak termasuk mengeluarkan nasihat pelaburan tidak mengikat kepada seorang pelanggan.

(b) Satu Entiti di mana pendapatan kasarnya boleh dikaitkan terutamanya dengan pelaburan, pelaburan semula, atau dagangan dalam Aset Keuangan di mana Entiti itu diuruskan oleh Entiti lain yang merupakan sebuah Institusi Depositori, sebuah Institusi Custodial, sebuah Syarikat Insurans Yang Dispesifikasikan, atau Entiti Pelaburan jenis pertama.

Entiti Pelaburan yang terletak di dalam Bidang Kuasa Yang Tidak Mengambil Bahagian dan diuruskan oleh Institusi Keuangan yang lain (CRS)

Istilah "Entiti Pelaburan yang terletak di Bidang Kuasa Yang Tidak Mengambil Bahagian dan diuruskan oleh Institusi Keuangan yang lain" bermaksud sebarang Entiti di mana pendapatan kasarnya dikaitkan terutamanya dengan pelaburan, pelaburan semula, atau dagangan dalam Aset Keuangan jika Entiti itu (i) diuruskan oleh sebuah Institusi Keuangan dan (ii) Sebuah Institusi Keuangan dari Bidang Kuasa Yang Tidak Mengambil Bahagian.

Entiti Pelaburan yang diuruskan oleh Institusi Keuangan yang lain (CRS)

Satu Entiti "diuruskan oleh" Entiti lain jika Entiti yang menguruskan itu melakukan, samada secara langsung atau melalui penyedia perkhidmatan yang lain bagi pihak Entiti yang diuruskan itu, sebarang aktiviti atau operasi yang diuraikan dalam perenggan (a) di atas dalam takrifan 'Entiti Pelaburan'.

Satu Entiti cuma menguruskan Entiti lain jika ia mempunyai kuasa budi bicara untuk menguruskan aset Entiti lain itu (samada secara keseluruhan atau sebahagian). Di mana Entiti itu diuruskan oleh satu gabungan Institusi Keuangan, NFE atau individu, Entiti itu dianggap sebagai diuruskan oleh Entiti lain yang merupakan sebuah Institusi Depositori, sebuah Institusi Custodial, sebuah Syarikat Insurans Yang Dispesifikasikan, atau Entiti Pelaburan jenis pertama yang diuraikan dalam perenggan (a) takrifan 'Entiti Pelaburan', jika mana-mana satu daripada Entiti yang menguruskan itu adalah satu Entiti lain sedemikian.

Entiti Bukan Keuangan (NFE) (CRS)

"NFE" adalah sebarang Entiti yang bukan merupakan sebuah Institusi Keuangan.

Entiti Asing Bukan Keuangan (NFFE) (FATCA)

"Entiti Asing Bukan Keuangan" adalah satu Entiti Bukan AS yang tidak memenuhi takrifan sebuah Institusi Keuangan Asing.

Institusi Kewangan Asing Yang Tidak Mengambil Bahagian (NPFFI) (FATCA)

“Institusi Kewangan Asing Yang Tidak Mengambil Bahagian” bermaksud FFI yang tidak membuat perjanjian dengan IRS A.S. dan tidak dianggap patuh, tetapi tidak termasuk MYFI atau lain-lain Bidang Kuasa Rakan Kongsi FI selain daripada MYFI yang dilayan seperti satu NPFFI sejajar dengan sub perenggan 3(b) Artikel 5 dalam Perjanjian itu atau peruntukan sepadan dalam perjanjian antara A.S dan satu Bidang Kuasa Rakan Kongsi.

Institusi Kewangan Yang Tidak Melaporkan

“Institusi Kewangan Yang Tidak Melaporkan” bermaksud sebarang Institusi Kewangan yang merupakan:

- Sebuah Entiti Kerajaan, Organisasi Antarabangsa atau Bank Pusat, selain daripada yang berkenaan dengan pembayaran yang diperolehi daripada kewajipan yang dipegang berkaitan dengan aktiviti kewangan komersial yang terlibat oleh sebuah Syarikat Insurans Yang Dispesifikasikan, Institusi Custodial, atau Institusi Depositori;
- Dana Persaraan Penyertaan Luas; Dana Persaraan Penyertaan Terhad; Dana Pencen dari Entiti Kerajaan, Organisasi Antarabangsa atau Bank Pusat; atau Pengeluar Kad Kredit yang Layak;
- Jenis Pelaburan Kolektif Yang Dikecualikan; atau
- Amanah Berdokumentasi Pemegang Amanah: satu amanah di mana pemegang amanah itu merupakan sebuah Institusi Kewangan Yang Melaporkan dan melaporkan semua maklumat yang dikehendaki berhubung dengan semua Akaun Boleh Dilaporkan dari amanah itu;
- Yang lain-lain yang ditakrifkan dalam undang-undang domestik negara itu sebagai Institusi Kewangan Yang Tidak Melaporkan.

Institusi Kewangan Asing Yang Mengambil Bahagian (FFI) (FATCA)

“Institusi Kewangan Asing Yang Mengambil Bahagian” bermaksud Institusi Kewangan itu telah bersetuju untuk mematuhi syarat Perjanjian FFI, termasuk sebuah Institusi Kewangan yang dihuraikan dalam IGA Model 2 yang telah bersetuju untuk mematuhi syarat Perjanjian FFI.

Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian (CRS)

“Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian” bermaksud satu bidang kuasa di mana perjanjian sudah dimeterai, di mana sejajar dengan perjanjian itu ia akan menyediakan maklumat yang dikehendaki di pertukaran automatik maklumat akaun kewangan yang ditetapkan dalam Piawaian Pelaporan Umum dan yang dikenal pasti dalam satu senarai yang diterbitkan.

Institusi Kewangan dari Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian (CRS)

Istilah “Institusi Kewangan dari Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian” bermaksud (i) sebarang Institusi Kewangan yang merupakan pemastautin cukai di dalam satu Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian tetapi tidak termasuk sebarang cawangan dari Institusi Kewangan yang terletak di luar dari bidang kuasa tersebut, dan (ii) sebarang cawangan Institusi Kewangan yang bukan merupakan pemastautin cukai di dalam satu Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian, jika cawangan itu terletak dalam Bidang Kuasa Yang Mengambil Bahagian sedemikian.

Bidang Kuasa Rakan Kongsi (FATCA)

“Bidang Kuasa Rakan Kongsi” bermaksud satu bidang kuasa yang mempunyai perjanjian yang berkuatkuasa dengan Amerika Syarikat untuk memudahcara pelaksanaan FATCA (contohnya, Perjanjian Antara Kerajaan (“IGA”)). IRS harus menerbitkan satu senarai yang mengenal pasti semua Bidang Kuasa Rakan Kongsi.

Pendapatan Pasif

“Pendapatan Pasif” secara amnya akan dianggap termasuk bahagian pendapatan kasar yang terdiri daripada:

- a) dividen;
- b) faedah;
- c) pendapatan setara dengan faedah;
- d) sewa dan royalti, selain daripada sewa dan royalti yang diperolehi dalam menjalankan perniagaan secara aktif, sekurang-kurangnya secara sebahagian, oleh kakitangan NFE itu;
- e) anuiti;
- f) lebihan keuntungan berbanding kerugian dari jualan atau pertukaran Aset Kewangan yang mendatangkan pendapatan pasif yang dihuraikan sebelum ini;
- g) lebihan keuntungan berbanding kerugian dari transaksi (termasuk dagangan hadapan, forwards, opsi, dan transaksi yang serupa) dalam sebarang Aset Kewangan;
- h) lebihan keuntungan dari tukaran wang asing berbanding kerugian tukaran wang asing;
- i) pendapatan bersih dari swaps; atau
- j) amaun yang diterima di bawah Kontrak Insurans Nilai Tunai. Walau apapun perkara di atas, pendapatan pasif tidak akan termasuk, dalam kes NFE yang bertindak sebagai peniaga dalam Aset Kewangan, sebarang pendapatan dari sebarang transaksi yang dimasuki dalam perjalanan perniagaan biasa peniaga tersebut sebagai peniaga sedemikian.

Entiti Bukan Kewangan Pasif (CRS)

Di bawah CRS, "NFE Pasif" bermaksud

- (a) Sebarang NFE yang bukan merupakan NFE Aktif; atau
- (b) Satu Entiti Pelaburan yang terletak di Bidang Kuasa Yang Tidak Mengambil Bahagian dan diuruskan oleh Institusi Kewangan yang lain.

Entiti Asing Bukan Kewangan Pasif (NFFE Pasif) (FATCA)

"Entiti Asing Bukan Kewangan Pasif" bermaksud sebarang NFFE yang bukan merupakan NFFE aktif atau memegang perkongsian asing atau memegang amanah asing sejajar dengan Peraturan Perbendaharaan A.S. yang relevan.

Entiti Berkaitan

Satu Entiti adalah "Entiti Berkaitan" dari Entiti lain jika salah satu Entiti mengawal Entiti yang lain itu, atau dua Entiti itu berada di bawah kawalan bersama. Bagi tujuan ini, kawalan termasuk pemilikan secara langsung atau tidak langsung ke atas lebih daripada 50% undi dan nilai dalam satu Entiti.

Akaun Boleh Dilaporkan (CRS)

Istilah "Akaun Boleh Dilaporkan" bermaksud satu akaun yang dipegang oleh satu atau lebih Orang Yang Boleh Dilaporkan atau oleh satu NFE Pasif dengan satu atau lebih Orang Yang Mengawal yang merupakan Orang Yang Boleh Dilaporkan.

Bidang Kuasa Yang Boleh Dilaporkan (CRS)

"Bidang Kuasa Yang Boleh Dilaporkan" adalah satu bidang kuasa di mana kewajipan untuk menyediakan maklumat akaun kewangan diadakan dan dikenal pasti dalam satu senarai yang diterbitkan.

Orang dari Bidang Kuasa Yang Boleh Dilaporkan (CRS)

"Orang dari Bidang Kuasa Yang Boleh Dilaporkan" adalah satu Entiti yang merupakan pemastautin cukai di Bidang Kuasa Yang Boleh Dilaporkan di bawah undang-undang cukai bidang kuasa sedemikian – melalui rujukan kepada undang-undang tempatan di negara di mana Entiti itu ditubuhkan, dikorporatkan atau diuruskan. Satu Entiti seperti satu perkongsian, perkongsian liabiliti terhad atau aturan perundangan yang serupa yang tidak mempunyai kediaman bagi tujuan cukai harus dilayan sebagai pemastautin dalam bidang kuasa di mana tempat pengurusan efektif itu terletak. Oleh yang demikian jika satu Entiti mengesahkan bahawa ia tidak mempunyai kediaman bagi tujuan cukai ia harus melengkapkan borang itu yang menyatakan alamat pejabat utamanya.

Entiti Pemastautin Berganda mungkin bergantung kepada peraturan kata pemutus yang terkandung dalam konvensyen cukai (jika berkenaan) untuk menentukan kediaman mereka bagi tujuan cukai.

Orang Yang Boleh Dilaporkan (CRS)

"Orang Yang Boleh Dilaporkan" ditakrifkan sebagai "Orang dari Bidang Kuasa Yang Boleh Dilaporkan", selain daripada:

- Sebuah korporat di mana sahamnya didagangkan secara berkala di satu atau lebih pasaran sekuriti yang berlesen;
- Sebarang korporat yang merupakan satu Entiti Berkaitan dari korporat yang dihuraikan dalam klausa (i);
- Entiti Kerajaan;
- Organisasi Antarabangsa;
- Bank Pusat; atau
- Institusi Kewangan (kecuali bagi Entiti Pelaburan yang terletak di Bidang Kuasa Yang Tidak Mengambil Bahagian dan diuruskan oleh Institusi Kewangan yang lain, yang dilayan sebagai satu NFE Pasif)

Pemastautin bagi tujuan cukai

Setiap bidang kuasa mempunyai peraturannya sendiri bagi mentakrifkan pemastautin cukai, dan bidang kuasa itu telah memberikan maklumat tentang bagaimana untuk menentukan samada satu entiti itu adalah pemastautin cukai dalam bidang kuasa tersebut di Portal Pertukaran Automatik Maklumat OECD. Secara amnya, satu Entiti akan menjadi pemastautin bagi tujuan cukai dalam satu bidang kuasa jika, di bawah undang-undang bidang kuasa itu (termasuk konvensyen cukai), ia membayar atau harus membayar cukai dari sini disebabkan oleh domisil beliau, pemastautinan, tempat pengurusan atau pengkorporatan, atau sebarang kriteria lain dengan keadaan yang serupa, dan bukan sahaja dari sumber-sumber dalam bidang kuasa itu.

Entiti Pemastautin Berganda mungkin bergantung kepada peraturan kata pemutus yang terkandung dalam konvensyen cukai (jika berkenaan) untuk menyelesaikan kes kediaman berganda bagi menentukan kediaman mereka bagi tujuan cukai. Entiti seperti perkongsian, perkongsian liabiliti terhad atau aturan perundangan yang serupa yang tidak mempunyai kediaman bagi tujuan cukai harus dilayan sebagai pemastautin dalam bidang kuasa di mana tempat pengurusan efektif itu terletak. Untuk maklumat tambahan mengenai pemastautin, sila berbincang dengan penasihat cukai anda atau layari Portal Pertukaran Automatik Maklumat OECD di pautan berikut:

<https://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-residency/>

Syarikat Insurans Yang Dispesifikasikan (CRS)

Istilah “Syarikat Insurans Yang Dispesifikasikan” bermaksud sebarang Entiti yang merupakan sebuah syarikat insurans (atau pegangan syarikat ke atas sebuah syarikat insurans) yang mengeluarkan, atau diwajibkan untuk membuat pembayaran berhubung dengan, Kontrak Insurans Nilai Tunai atau Kontrak Anuiti.

Orang A.S. Yang Dispesifikasikan (FATCA)

“Orang A.S. Yang Dispesifikasikan” bermaksud Orang A.S., selain daripada Penerima Pengecualian A.S.

TIN (termasuk Kesetaraan Fungsi)

Istilah “TIN” bermaksud Nombor Pengenalan Pembayar Cukai atau kesetaraan fungsi dalam ketiadaan TIN. TIN adalah satu kombinasi unik huruf atau nombor yang diberikan oleh satu bidang kuasa kepada seseorang individu atau satu Entiti dan digunakan untuk mengenal pasti individu atau Entiti itu bagi tujuan melaksanakan tadbir urus undang-undang cukai bidang kuasa sedemikian. Butiran lanjut TIN yang boleh diterima boleh ditemui di Portal Pertukaran Automatik Maklumat OECD di pautan berikut:

<https://www.oecd.org/tax/automatic-exchange/crs-implementation-and-assistance/tax-identification-numbers/>

Sesetengah bidang kuasa tidak mengeluarkan TIN. Walau bagaimanapun, bidang kuasa ini seringkali menggunakan beberapa nombor integriti tinggi yang lain dengan satu tahap pengenalan yang setara (“kesetaraan fungsi”). Contoh nombor jenis itu termasuk, bagi Entiti, satu kod/nombor pendaftaran perniagaan/syarikat.

Penerima Dikecualikan A.S. (FATCA)

“Penerima Dikecualikan A.S.” bermaksud sebarang Orang A.S. yang layak ke atas mana-mana satu yang berikut di bawah Kod Hasil Dalam A.S.:

- i) Sebuah organisasi yang dikecualikan dari cukai di bawah seksyen 501(a) atau sebarang pelan persaraan individu seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 7701(a)(37);
- ii) Kerajaan Amerika Syarikat atau mana-mana agensi atau instrumennya;
- iii) Sebuah negeri, District of Columbia, sebuah Komanwel atau pemilikan A.S., atau sebarang sub pembahagian politik atau instrumen mereka;
- iv) Sebuah korporat di mana sahamnya didagangkan secara berkala di satu atau lebih pasaran sekuriti yang berlesen, seperti yang diuraikan dalam Peraturan seksyen 1.14721(c)(1)(i);
- v) Sebuah korporat yang merupakan ahli dari kumpulan bergabung dikembangkan yang sama sebagai sebuah korporat yang diuraikan dalam Peraturan seksyen 1.1472-1(c)(1)(i);
- vi) Seorang peniaga dalam sekuriti, komoditi, atau instrumen kewangan derivatif (termasuk kontrak principal nosional, dagangan masa hadapan, forwards, dan opsi) yang didaftarkan sedemikian rupa di bawah undang-undang Amerika Syarikat atau mana-mana negeri;
- vii) Satu amanah pelaburan hartanah;
- viii) Sebuah syarikat pelaburan yang dikawal selia seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 851 atau satu entiti yang didaftarkan pada setiap masa semasa tahun cukai di bawah Akta Syarikat Pelaburan 1940;
- ix) Satu dana amanah biasa seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 584(a);
- x) Sebuah bank seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 581;
- xi) Seorang broker;
- xii) Satu amanah yang dikecualikan dari cukai di bawah seksyen 664 atau diuraikan dalam seksyen 4947(a)(1); atau
- xiii) Satu amanah yang dikecualikan cukai di bawah pelan seksyen 403(b) atau pelan seksyen 457(g).

Akaun A.S. Yang Boleh Dilaporkan (FATCA)

“Akaun A.S. Yang Boleh Dilaporkan” bermaksud Akaun Kewangan yang diselenggara oleh FFI dan dipegang oleh satu atau lebih Orang A.S. Yang Dispesifikasikan atau oleh satu Entiti Bukan A.S. dengan satu atau lebih Orang Yang Mengawal yang merupakan Orang A.S. Yang Dispesifikasikan.

Orang A.S. (FATCA)

“Orang A.S.” bermaksud warganegara A.S. atau individu pemastautin, sebuah perkongsian atau korporat yang ditubuhkan di A.S. atau di bawah undang-undang A.S. atau sebarang negeri dari situ, satu amanah jika (i) mahkamah di A.S. akan mempunyai kuasa di bawah undang-undang berkenaan untuk mengeluarkan perintah atau penghakiman ke atas semua isu yang substansial berhubung pentadbiran amanah itu dan (ii) satu atau lebih Orang A.S. yang mempunyai kuasa untuk mengawal semua keputusan substansial amanah itu, atau harta peninggalan si mati yang merupakan seorang warganegara atau pemastautin A.S.

Wilayah A.S. (FATCA)

“Wilayah U.S.” bermaksud American Samoa, Komanwel Kepulauan Mariana Utara, Guam, Komanwel Puerto Rico atau Kepulauan Virgin A.S.